Jabatan Perangkaan
MALAYSIA

# BERITA DAN ISU SEMASA IMPAK COVID-19 KEPADA EKONOMI

## RUJUKAN: 22 – 25 JANUARI 2021

BIL. 2 /2021

## RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI

## 1. PENDAHULUAN

Kementerian Kesihatan Malaysia memaklumkan pada 25 Januari 2021 **kumulatif kes sembuh bertambah kepada 145,084** atau 77.6 peratus daripada keseluruhan kes berbanding **41,076 kes yang masih aktif**. Sementara itu, terdapat **3,048 kes baharu** direkodkan dan menjadikan jumlah jangkitan positif meningkat kepada **186,849 kes.** Penularan tempatan meliputi **99.7 peratus** daripada catatan harian dengan sebanyak **2,494 kes dikesan** melibatkan jangkitan dari **kalangan warganegara Malaysia** manakala **kes import berjumlah hanya 8 kes**. Kawasan Lembah Klang **mendominasi kumulatif kes positif** dengan menyumbang **sebanyak 44.7 peratus**, Zon Selatan (23.4 peratus), Wilayah Malaysia Timur (15.4 peratus), Zon Utara (9.5 peratus) dan Zon Pantai Timur (7.0 peratus). Di peringkat negeri, **pertambahan kes harian baharu** diterajui menerusi catatan **di Selangor dan Johor** dengan masing-masing **merekodkan 1,035 dan 529 kes** disusuli Sabah (348 kes), W.P Kuala Lumpur (305 kes), Sarawak (120 kes) dan Pulau Pinang (110 kes). Sejumlah **689 kes kematian** telah dilaporkan sehingga kini dengan **11 kematian terbaru.**

Penularan pandemik COVID-19 terus menunjukkan lonjakan diperingkat global. Kemelut kesihatan ini turut memberi impak kepada momentum pemulihan ekonomi dunia. Keadaan ekonomi global dapat diperhatikan menerusi beberapa petikan perkongsian *headlines* daripada PublicInvest Research Daily dan pelbagai sumber lain mengenai butiran terkini pasaran ekonomi antarabangsa seperti berikut;

EU: **Output Pembinaan zon Eropah** meningkat pada November 2020. Output pembinaan meningkat 1.4% bulan ke bulan pada bulan November, setelah tidak berubah pada bulan Oktober dan menyusut kepada -2.7% pada September 2020. Output pembinaan bangunan meningkat 1.0% bulan ke bulan pada bulan November dan output kejuruteraan awam meningkat 3.1%. Berdasarkan pertumbuhan tahunan, output pembinaan turun 1.3% pada bulan November, lebih baik berbanding penurunan 1.9% pada bulan sebelumnya. Di EU27, output pembinaan meningkat 1.2% bulan ke bulan, manakala pada asas perbandinga tahun ke tahun turun 1.1%. Di antara negara-negara anggota yang mengalami kenaikan terbesar adalah Slovenia, Hungary dan Slovakia, sementara penurunan terbesar dicatatkan oleh Romania, Sepanyol dan Belgium. Sementara itu, **jualan kenderaan** mencatatkan penurunan yang besar pada tahun 2020. European Automobile Manuacturers Association melaporkan, pendaftaran kenderaan baharu turun 24.0% pada 2020, merupakan kejatuhan tahunan terbesar sepanjang rekod semenjak 1990. Selain itu, laporan dari ZEW-Leibniz Centre for European Economic Research menunjukkan **sentimen ekonomi Jerman** pada

Januari meningkat lebih dari jangkaan walaupun ketidaktentuan ekonomi akibat sekatan pergerakan yang ketat. Indikator ZEW Sentimen Ekonomi menunjukkan peningkatan 6.8 mata kepada 61.8. (Bloomberg, RTT)

ASIA: **China mengekalkan penanda aras pinjaman (LPR)** tidak berubah untuk bulan kesembilan pada bulan Januari 2021. Kadar pinjaman penanda aras China cenderung tidak berubah pada penetapan bulanan pertama tahun ini, stabil untuk bulan kesembilan berturut-turut, ketika ekonomi pulih dari renjatan COVID-19. LPR setahun terakhir berada pada 3.85% dan kadar LPR lima tahun berada pada 4.65%. Sementara itu, **kadar Pengangguran di Hong Kong** meningkat ke paras tertinggi bagi tempoh 16 tahun apabila mencatatkan 6.6% pada Suku Keempat 2020. Peningkatan ini difaktorkan oleh gelombang baru jangkitan COVID-19 yang merencatkan pelbagai aktiviti ekonomi. Kadar di bawah tenaga buruh tetap tidak berubah pada 3.4% dalam dua suku tahunan. Jumlah penganggur meningkat kepada 245,800 dalam 3 bulan yang berakhir pada bulan Disember. **Thailand meluluskan pakej rangsangan bernilai AS7 bilion (THB210 bilion)** untuk mengurangkan impak COVID-19. Bantuan akan disalurkan kepada 31.1 juta penduduk, terutamanya kepada berpendapatan rendah dengan pembayaran dilakukan setiap minggu sehingga Februari. Bantuan itu perlu digunakan untuk membeli barang dan perkhidmatan daripada penjual yang berdaftar dengan kerajaan sehingga akhir Mei. Kerajaan Thailand juga akan membenarkan 1.34 juta penduduk mendaftar untuk THB3.5 ribu yang tersedia di bawah skim pembayaran bersama semasa. Langkah-langkah tersebut akan membantu mengurangkan kos hidup dan meredakan gelombang COVID-19 yang baharu. Pakej ini dijangka menampung peningkatkan pertumbuhan ekonomi sebanyak 0.5 – 0.6% (RTT, Reuters)

AS: **Keyakinan Kontraktor Binaan Kediaman AS** jatuh ke paras terendah empat bulan pada bulan Januari 2021. Penurunan ini dipengaruhi oleh pengusaha kurang optimis terhadap penjualan yang diakibatkan oleh harga rumah yang perlahan dengan kos pembinaan yang lebih tinggi. Indeks sentimen kontraktor binaan turun kepada 83 daripada bacaan 86 pada Disember. Angka itu lebih lemah daripada ramalan median 86 dalam tinjauan penganalisis ekonomi. (Bloomberg)

EU: **Kadar inflasi di zon Eropah** kekal negatif untuk bulan kelima berturut-turut pada bulan Disember 2020. Indeks harga pengguna yang diselaraskan (HICP) turun 0.3% tahun ke tahun, sama seperti pada bulan November 2020. Inflasi teras yang tidak termasuk harga makanan, tenaga dan alkohol & tembakau, kekal stabil pada 0.2% pada bulan Disember 2020. (RTT)

UK: **Kadar inflasi UK** meningkat pada bulan Disember setelah perniagaan kedai fizikal dibenarkan beroperasi ketika sekatan pergerakan yang ketat dilaksanakan. National Statistics Office (NSO) melaporkan indeks harga pengguna meningkat 0.6% dari tahun sebelumnya, naik dari 0.3% bulan sebelumnya. Kadar ini kekal kurang dari sasaran Bank of England pada kadar 2%. (Bloomberg)

ASIA: **Singapura mencatatkan komitmen pelaburan perniagaan** tertinggi dalam satu dekad. Komitmen pelaburan perniagaan ke Singapura meningkat 13% pada tahun lalu (2020) didorong oleh komitmen pelaburan dalam sektor seperti semikonduktor, tenaga dan bahan kimia. Komitmen ini menjanjikan pelaburan aset tetap seperti kemudahan, mesin dan peralatan lain sebanyak SGD17.2bn (AS13 bilion) pada tahun 2020. **Bank of Japan mengekalkan dasar monetari** dan menyemak semula unjuran ekonominya untuk tahun fiskal yang berakhir Mac. Kadar faedah jangka pendek dikekalkan pada -0.1% dan kadar hasil bon kerajaan 10 tahun pada 0.0%. Langkah sama dilaksanakan di Indonesia apabila **Bank Indonesia mengekalkan kadar faedah** pembelian semula 7 hari (7-days reverse repurchase) pada 3.75%, kadar deposit semalaman pada 3.00% dan kadar kemudahan pinjaman pada 4.50%. Sementara itu, laporan lain menunjukkan **Eksport tahunan Jepun** mencatatkan kenaikan pertama adalam tempoh 2 tahun. Peningkatan 2.0% ini didorong oleh eksport ke China**.** Eksport Korea Selatan turut berkembang pada 20 hari pertama Januari 2021, dipacu oleh dagangan cip pemprosesan, kereta dan alat telekomunikasi. Jumlah penghantaran keluaran meningkat 10.6% tahun ke tahun kepada nilai dagangan AS28.23 bilion. Perincian menunjukkan jualan semikoduktur meningkat 11.6%, alat telekomunikasi meningkat 60.5% dan kereta meningkat 15.7%. Sementara itu **di India, RBI menjangkakan ekonomi** negara tersebut akan menguncup -7.5% pada tahun fiskal berakhir Mac. (RTT & Reuters)

## 2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

1. **Ekonomi Malaysia pada tahun 2021 diunjurkan bertumbuh pada 6.5 hingga 7.5 peratus** walaupun pada suku pertama tahun 2021 Kerajaan telah melaksanakan PKP. Pelaksanaan inisiatif dalam Bajet 2021 yang diluluskan dan pakej rangsangan akan mengimbangi pertumbuhan ekonomi**.**

2. Kemudahan **penangguhan bayaran prinsipal dan diskaun 50 peratus kepada rakan PUNB** bagi sewaan premis perniagaan berjumlah RM 112.5 juta bagi tempoh Januari hingga Jun 2021. Penangguhan bayaran prinsipal melibatkan 2,000 rakan PUNB manakala diskaun 50 peratus melibatkan 226 rakan PUNB.

3. **Hasil jualan runcit berkurang sebanyak 90% pada minggu pertama** pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan 2.0.

4. **Permintaan terhadap komputer riba meningkat mendadak** susulan penggunaannya bagi sesi persekolahan yang bermula 20 Januari 2021.

5. Pelaksanaan PKP telah menaikkan **permintaan dalam aktiviti kurier di Malaysia**. Hasil EasyParsel menunjukkan kenaikan 40% apabila PKP dilaksanakan di Malaysia dan Singapura.

6. **Syarikat asing yang telah melabur di negara ini** menyatakan **bahawa mereka tetap komited** terhadap negara ini kerana mereka **menilai dan menghargai kerjasama jangka panjang dengan kerajaan Malaysia** dan menantikan kejayaan pada masa akan datang. Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan pengumuman darurat bagi membendung peningkatan jumlah kes Covid-19 dilihat tidak akan mempengaruhi keyakinan mereka untuk terus melabur di negara ini.

7. **Jangkaan pemulihan ekonomi global** termasuk di Malaysia**,** kesinambungan insentif **pengecualian cukai jualan bagi kenderaan penumpang sehingga 30 Jun depan** di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) **dan kadar faedah pinjaman sewa beli** yang **lebih rendah akan membantu merangsang jualan** serta pengenalan model baharu dengan spesifikasi tambahan terkini, gaya reka bentuk dan harga yang sangat kompetitif, juga akan membantu mengekalkan minat belian.

8. **Permintaan sarung tangan terus meningkat** mengatasi bekalan di tengah-tengah perubahan struktur dalam kesedaran kebersihan. **Sebanyak 97 peratus daripada pengeluaran semasa L&S dieksport ke China dan India**, termasuk untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat di rantau ini dan Eropah.

9. **Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) mencatatkan pertumbuhan terminal yang kukuh** setelah berjaya mencapai jumlah **rekod keseluruhan kendalian kontena sebanyak 9.8 juta unit bersamaan dua puluh kaki (TEU) pada 2020** (peningkatan lebih daripada 8.0 peratus pertumbuhan berbanding 9.1 juta TEU yang dicatatkan pada 2019) walaupun dalam keadaan ketidaktentuan ekonomi global dan pandemik COVID-19.

10. Sejak sempadan dibuka semula pada Ogos tahun lalu, **kira-kira 50 peratus pekerja Malaysia kembali bekerja di Singapura disebabkan kos kuarantin yang agak tinggi di republik ini**. Sebahagian besar pekerja Malaysia tertumpu terutama dalam sektor pembinaan serta perkhidmatan makanan dan minuman (F&B) yang sebelum COVID-19 berulang-alik setiap hari dari Malaysia ke Singapura untuk bekerja.

11. **Ekonomi Malaysia dijangka kekal berada dalam jajaran pemulihan berdasarkan peningkatan Indeks Pelopor (IP) sebanyak 7.1 peratus kepada 109.1 mata pada November 2020 berbanding 101.9 mata pada tempoh sama 2019**. Trend ini selari dengan pertumbuhan bulanan IP yang mencatatkan pertumbuhan 0.4 peratus pada November 2020 berbanding negatif 0.7 peratus pada bulan sebelumnya. **Peningkatan itu disumbangkan terutamanya oleh Import Benar Semi Konduktor (0.5 peratus) yang dipacu oleh permintaan litar bersepadu elektronik yang menggalakkan.** Selain itu, peningkatan yang signifikan melalui Indeks Perusahaan Bursa Malaysia pada bulan rujukan, disokong terutamanya oleh Indeks Penjagaan Kesihatan.

12. **Pelanggan Sarawak Energy Berhad (SEB) akan nikmati diskaun bil elektrik dari Januari hingga Jun (SEB) di bawah Pakej Bantuan Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI) dan Bantuan Khas Sarawakku Sayang (BKSS 5.0)**. Bantuan tersebut melibatkan 640,000 pelanggan dari sektor domestik, komersial dan perindustrian akan **menerima diskaun 5 hingga 25 peratus**.

13. **Persatuan perkilangan menyambut baik permintaan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)** bagi syarikat tempatan dan asing untuk membantu mengurangkan jangkitan COVID-19. **Sektor pembuatan pakaian mengalami sedikit peningkatan di pasaran pada bulan Ogos dan September namun kembali merosot pada bulan Oktober kerana lonjakan kes COVID-19**. Pengilang telah mengambil pelbagai langkah agar pekerja mereka memakai topeng muka dengan betul, mengekalkan jarak fizikal yang selamat dan cara mencuci tangan yang betul.

14. **Industri kelapa sawit Malaysia terdedah kepada masalah kekurangan buruh sehingga 30 peratus daripada paras semasa**. Melalui kajian Khazanah Research Institute (KRI), pengurangan itu akan menyebabkan pengeluaran menurun sebanyak 80 peratus bagi pengeluaran industri kelapa sawit di Malaysia.

15. **Kebanyakan majikan bersetuju Program Subsidi Upah juga harus dilaksanakan di Sarawak** walaupun negeri itu hanya dilaksanakan PKP Pemulihan. Program Subsidi Upah 3.0 perlu diperluaskan ke semua negeri bagi memastikan kelangsungan perniagaan kerana gangguan operasi di negeri PKP turut memberi impak kepada operasi syarikat yang bergantung kepada bekalan dan merupakan sebahagian daripada rantaian bekalan.

16. Bagi membantu mengurangkan beban rakyat negeri Selangor, **kerajaan negeri memperuntukkan kira-kira RM6 juta untuk melaksanakan saringan bersasar** dengan fokus diberi kepada warga emas, golongan B40 dan mahasiswa Selangor.

17. **Pembukaan sekolah secara fizikal ditangguhkan susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0 dan telah memberi kesan kepada pengusaha bas sekolah**. Pendapatan yang diperolehi daripada bayaran yuran bulanan Januari 2021 terpaksa dipulangkan kepada pelanggan kerana pembatalan sesi persekolahan secara fizikal. Yuran dikenakan pengusaha bas sekolah setiap bulan adalah antara RM40 hingga RM200 bergantung kepada lokasi.

| A. | Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **The Edge Market**<br>22.01.2021<br>*(Essential)* | **GDP growth forecast maintained at 6.5%-7.5% for 2021, says Tengku Zafrul**<br><br>Malaysia is maintaining its gross domestic product (GDP) growth target of between 6.5% and 7.5% for 2021 despite the emergency declaration and the second round of the movement control order (MCO 2.0) enforcement.<br><br>Stability and persistency of policies are crucial in controlling Covid-19 and enabling the country to be on this economic recovery path.<br><br>Budget 2021 and the recent assistance package (the Malaysian Economic and Rakyat Protection Assistance Package or Permai) will help to mitigate the impact on the economy. | https://www.theedgemarkets.com/article/malaysia-maintains-6575-gdp-growth-target-2021-despite-mco-lowerend-growth-likely-says |
| 2. | **Berita Harian**<br>23. 01.2021<br>*(Non-essential)* | **PUNB tawar penangguhan bayaran pembiayaan, diskaun sewa premis perniagaan berjumlah RM112.5 juta**<br><br>Perbadanan Usahawan Nasional Bhd (PUNB) mengumumkan pemberian penangguhan pembayaran pembiayaan ke atas prinsipal dan tawaran diskaun sebanyak 50 peratus sewa premis perniagaan PUNB selama enam bulan berkuat kuasa 1 | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/01/779094/punb-tawar-penangguhan-bayaran-pembiayaan-diskaun-sewa-premis |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Januari lalu membabitkan kutipan berjumlah RM112.5 juta untuk membantu usahawan kekal berdaya tahan dan berdaya saing ketika pandemik COVID-19.<br><br>Pemberian penangguhan pembayaran pembiayaan ke atas prinsipal bagi Januari hingga Jun 2021 ini, dijangka memberi manfaat kepada lebih 2,000 Rakan Usahawan PUNB membabitkan kutipan sebanyak RM110juta.<br><br>Sebanyak 226 penyewa premis perniagaan PUNB di seluruh negara, layak menerima diskaun sewa sebanyak 50 peratus bagi tempoh enam bulan bermula 1 Januari ini, membabitkan anggaran kutipan sewa sebanyak RM2.5 juta. | |
| 3. | **The Edge Market**<br>23.01.2021<br>*(Essential)* | **ADGMIN1 ends with Putrajaya Declaration, launch of ASEAN Digital Masterplan**<br><br>ASEAN Digital Masterplan 2025 (ADM2025) comprises eight Desired Outcomes that seek to propel the regional grouping as a leading digital community and economic bloc.<br><br>The increase in the quality and coverage of Fixed and Mobile Broadband Infrastructure was identified as critical as it forms the underlying foundation over which digital services will be ultimately delivered. | https://www.theedgemarkets.com/article/adgmin1-ends-putrajaya-declaration-launch-asean-digital-masterplan |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 4. | **The Edge Market**<br>24.01.2021<br>*(Essential)* | **Covid-19 pandemic gives a huge boost to digital adoption — MDEC**<br><br>MDEC expectation to hit 20% growth in e-commerce contribution to the digital economy can be achieved as the Covid-19 pandemic has given a huge boost to digital adoption among entrepreneurs.<br><br>Moving forward, reskilling, upskilling and producing good digital talent is crucial for the digital economy.<br><br>The gig economy is on the rise, this needs to be harnessed and grown to stay globally competitive. | https://www.theedgemarkets.com/article/covid19-pandemic-gives-huge-boost-digital-adoption-—-mdec |
| 5. | **The Star**<br>25.01.2021<br>*(Essential)* | **Beijing targets GDP to grow to 6% this year**<br><br>Beijing strives to notch its year-on-year GDP growth to around 6% this year as well as to maintain its CPI increase within 3% compared with the prior year.<br><br>Previous data has shown that Beijing's GDP reached over 3.6 trillion yuan in 2020, up by 1.2% over the prior year at comparable prices. Its CPI during the same period went up by 1.7% year on year. | https://www.thestar.com.my/business/business-news/2021/01/25/beijing-targets-gdp-to-grow-to-6-this-year |
| 6. | **The Edge Market**<br>25.01.2021<br>*(Essential)* | **Why Businesses Need Digital Transformation To Survive The New Normal** | https://www.theedgemarkets.com/content/advertise/why-businesses-need-digital- |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Digital transformation is a long-term endeavour that involves company culture, organizational process, business model and personnel capability.<br><br>Digital transformation refers to enabling or improving processes by taking advantage of digital technologies and digitized data. | transformation-survive-new-normal |

Penemuan penting & isu:

1. Artikel 1 – Ekonomi Malaysia pada tahun 2021 diunjurkan bertumbuh pada 6.5 hingga 7.5 peratus walaupun pada suku pertama tahun 2021 Kerajaan telah melaksanakan PKP. Pelaksanaan inisiatif dalam Bajet 2021 yang diluluskan dan pakej rangsangan akan mengimbangi pertumbuhan ekonomi.

2. Artikel 2 – Kemudahan penangguhan bayaran prinsipal dan diskaun 50 peratus kepada rakan PUNB bagi sewaan premis perniagaan berjumlah RM 112.5 juta bagi tempoh Januari hingga Jun 2021. Penangguhan bayaran prinsipal melibatkan 2,000 rakan PUNB manakala diskaun 50 peratus melibatkan 226 rakan PUNB.

3. Artikel 3, 4 & 6:

   a. Lapan Matlamat Keberhasilan (Desired Outcome) di bawah ADM2025 adalah seperti berikut:

      i. Tindakan ADM 2025 yang mengutamakan pemulihan ASEAN daripada pandemik COVID-19;
      ii. Peningkatan kualiti dan capaian infrastruktur jalur lebar tetap dan mudah alih;
      iii. Penyampaian perkhidmatan digital yang boleh dipercayai dan pencegahan kemudaratan kepada pengguna;
      iv. Pasaran yang berdaya saing dan mampan bagi penawaran perkhidmatan digital;
      v. Peningkatan kualiti dan penggunaan perkhidmatan e-kerajaan;
      vi. Perkhidmatan digital untuk menghubungkan perniagaan dan menggalakkan perdagangan rentas sempadan;
      vii. Peningkatan kemampuan perniagaan dan rakyat untuk mengambil bahagian dalam ekonomi digital; dan
      viii. Masyarakat digital ASEAN yang inklusif.

b. Unjuran sumbangan e-dagang kepada ekonomi digital sebanyak 20% dijangka dapat dicapai berikutan pandemik COVID19 yang melanda telah menggalakkan adaptasi penggunaan digital di kalangan pengusaha. MedTech, Industri 4.0 dan Agri Tech dijangka menjadi penyumbang utama pada tahun 2021. Bagi tempoh Januari hingga Jun 2020, National e-Commerce Strategic Roadmap (NESR) telah membantu hampir 80,000 orang PKD bagi mengadaptasi penggunaan e-dagang. Selain itu, National IoT Framework berjaya memperoleh lebih RM140 juta pelaburan yang melibatkan 283 buah syarikat.

c. Transformasi digital merujuk kepada penambahbaikan sesuatu proses bisnes dengan memanfaatkan teknologi digital dan data seperti AI, IoT dan *cloud computing* bagi meningkatkan produktiviti dan kecekapan di samping mengurangkan kos operasi. Transformasi digital adalah usaha jangka panjang yang melibatkan perubahan budaya di tempat kerja, proses kerja sesebuah organisasi, model perniagaan dan kemampuan individu.

Maklumbalas Bahagian:

1. Unjuran prestasi positif bagi 2021 ini adalah berasaskan kepada keyakinan dan keberkesanan insiatif dalam Bajet 2021 serta pakej rangsangan yang diumumkan. Pemberian bantuan kepada golongan terjejas ini dilihat akan memberi impak kepada perbelanjaan isi rumah dan juga menggerakkan ekonomi domestik. Bantuan ini akan digunakan untuk keperluan harian ataupun modal dalam perniagaan. Selain itu, pelaksanaan PKP2.0 dijangka tidak memberi kesan yang mendalam berbanding PKP1.0 berikutan lebih banyak aktiviti ekonomi yang dibenarkan beroperasi terutamanya sektor perkhidmatan dan pembuatan yang merupakan penyumbang utama kepada KDNK negara.

2. Kemudahan kepada rakan PUNB dapat membantu industri PKS untuk meneruskan perniagaan memandangkan ia telah meringankan beban PKS menampung kos operasi. Pada tahun 2019, sumbangan PKS kepada KDNK negara adalah sebanyak 38.9%, peningkatan sebanyak 5.8%.

3. Adalah dijangkakan sumbangan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) kepada negara akan terus meningkat pada tahun 2020. COVID19 yang melanda dunia telah menggalakkan penggunaan TMK dalam urusan seharian termasuk penggunaan wang atas talian (*e-wallet*) dan platform e-dagang dalam urusan jual beli. Selain itu, penggunaan peralatan TMK seperti telefon bimbit, komputer dan tablet di kalangan isi rumah juga dijangka akan meningkat berikutan pelaksanaan pembelajaran dan pengajaran secara atas talian (PdPR). Pada tahun 2019, TMK menyumbang sebanyak 19.1% kepada ekonomi negara dengan e-dagang menyumbang sebanyak 8.4%.

| B. | Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| | **A. Subsektor Perdagangan Borong & Runcit** | | |
| 1. | **Harian Metro** | **AmBank tawar pembiayaan RM100 juta bagi PKS Sabah**<br><br>AMBANK menawarkan pembiayaan bernilai RM100 juta kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tempatan menerusi Skim Jaminan PKS Sabah.<br><br>Skim yang akan ditawarkan pada suku pertama 2021 dapat memberi kemudahan pembiayaan kepada PKS di Sabah. | https://www.hmetro.com.my/bisnes/2021/01/666777/ambank-tawar-pembiayaan-rm100-juta-bagi-pks-sabah |
| 2. | **Harian Metro** | **Felda beli lagi saham FGV**<br><br>Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) membeli sebanyak 9.97 juta lagi saham dalam FGV Holdings Bhd daripada pasaran terbuka pada harga RM12.96 juta, RM1.30 sesaham. | https://www.hmetro.com.my/bisnes/2021/01/666896/felda-beli-lagi-saham-fgv |
| 3. | **Awani** | **Top Glove tawar 9,000 kerja untuk rakyat Malaysia tahun ini**<br><br>Top Glove Corporation Bhd menawarkan sebanyak 9,000 peluang pekerjaan untuk rakyat tempatan sepanjang 2021 bagi membantu menangani pengangguran di negara ini.<br><br>Ia membabitkan 4,000 jawatan untuk pekerja tempatan; 2,300 jawatan untuk lulusan baharu universiti dan vokasional teknologi; 2,000 pelatih latihan | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/top-glove-tawar-9000-kerja-untuk-rakyat-malaysia-tahun-ini-279160 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | industri dan pelatih serta 700 pekerja yang berpengalaman. | |
| 4. | **The Malaysian Reserve** | **MCO 2.0 wipes out 90% of retail businesses**<br><br>Malaysia's second round of the Movement Control Order (MCO) has dimmed any hope of recovery for the local retail scene. Retail businesses have dropped about 90% during the first week of MCO 2.0 compared to before it came into force on 13 Jan 2021.<br><br>Majority of retailers were also unable to operate at full capacity or at pre-COVID-19 level due to limited shoppers and shorter operational hours. | https://themalaysianreserve.com/2021/01/22/mco-2-0-wipes-out-90-of-retail-businesses/ |
| 5. | **Harian Metro** | **'Laptop' kini jadi rebutan**<br><br>Permintaan terhadap komputer riba dan komputer riba terpakai naik mendadak sejak dua minggu lalu susulan penggunaannya bagi sesi persekolahan yang bermula 20 Januari 2021 untuk kelas atas talian murid.<br><br>Harga komputer riba terpakai bermula RM500 hingga RM1,500. | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/01/667248/laptop-kini-jadi-rebutan-metrotv |
| 6. | **Harian Metro** | **Tawar 10,000 barang runcit**<br><br>Dalam tempoh PKP 2.0, lebih 10,000 barangan runcit dan pelbagai barangan keperluan penting ditawarkan menerusi laman khusus Keep Calm and Shop from Home melalui platform Lazada. | https://www.hmetro.com.my/bisnes/2021/01/667129/tawar-10000-barang-runcit |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Purata jualan harian kategori barangan runcit di Lazada mencatat peningkatan lebih 170 peratus tahun ke tahun sepanjang 2020.<br><br>Barangan segar dan makanan sejuk terpilih turut menyediakan penghantaran 24 jam dan 48 jam sepanjang PKP 2.0. Lazada Malaysia tampil dengan Jualan Lazada CNY sempena Tahun Baru Cina bermula dari 25 hingga 27 Januari 2021. | |
| 7. | **Sinar Harian** | **Peniaga pasar lega, pelanggan masih ramai**<br><br>Peniaga pasar awam Batu Gajah di daerah merasa lega apabila masih menerima kehadiran pengunjung yang tinggi dalam tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0 untuk mendapatkan barangan keperluan memasak. | https://www.sinarharian.com.my/article/120629/EDISI/Perak/Peniaga-pasar-lega-pelanggan-masih-ramai |
| 8. | **Berita Harian** | **Pelabur Jerman komited kekal di Malaysia**<br><br>Pelabur Jerman di Malaysia kebanyakannya cenderung untuk meneruskan rancangan pelaburan mereka yang sudah ada kerana kebanyakan pelaburan ini adalah dalam teknologi tinggi dan mempunyai fasa perancangan panjang yang telah bermula sejak dua hingga tiga tahun lalu. | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/01/779492/pelabur-jerman-komited-kekal-di-malaysia |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 9. | **Borneo post** | **Hike in price of non-subsidised cooking oil due to increase in CPO price**<br><br>The Malaysian Palm Oil Board (MPOB) reports that crude palm oil prices in the world market are rising every month due to several factors, namely the increasing international demand for crude and processed palm oil.<br><br>The government has taken various initiatives to help the people get cooking oil at a stable price including subsidized cooking oil at a price of RM2.50 per kilogram. | https://www.theborneopost.com/2021/01/24/nanta-hike-in-price-of-non-subsidised-cooking-oil-due-to-increase-in-cpo-price/ |
| | **B. Subsektor Pengangkutan & Penyimpanan** | | |
| 10. | **The Malaysian Reserve** | **Delivery services a booming industry**<br><br>EasyParcel saw a spike in sales resulting in about 40% of revenue growth from its Malaysia and Singapore markets, where full movement restrictions and lockdowns were imposed. | https://themalaysianreserve.com/2021/01/25/delivery-services-a-booming-industry/ |
| | **C. Subsektor Perkhidmatan Makanan & Minuman** | | |
| 11. | **The Malaysian Reserve** | **Tough time for ‘Mamak’ restaurants**<br><br>Sales of local restaurant operators or better known as “Mamak” restaurants decline significantly since the implementation of the Movement Control Order (MCO) 2.0.<br><br>The members of Malaysian Muslim Restaurant Owners Association (Presma) recorded a | https://themalaysianreserve.com/2021/01/22/tough-time-for-mamak-restaurants/ |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | maximum of 30% sales only, a far less figure than what they used to make last month. | |
| | **D. Subsektor Kewangan** | | |
| 12. | **The Edge Markets** | **RHB, Shell, Visa collaborate to introduce new credit card**<br><br>RHB Banking Group (RHB) and Shell Malaysia are collaborating with Visa to launch the co-branded RHB Shell Visa Credit Card/-i, providing customers with the convenience, flexibility and rewards for online and offline purchases via a single credit card.<br><br>This is a long-term strategic partnership that would bring exciting credit card propositions to consumers in Malaysia. | https://www.theedgemarkets.com/article/rhb-shell-visa-collaborate-introduce-new-credit-card |

Penemuan penting & isu:

1. Ambank menyediakan pembiayaan sebanyak RM100 juta bagi membantu PKS di Sabah yang terjejas akibat pandemik COVID-19.
2. Felda telah membeli Saham FGV berjumlah 75.97 juta saham setakat minggu ini.
3. Top Glove dilihat dapat membantu rakyat tempatan mendapatkan pekerjaan sekaligus mengurangkan kadar pengagguran dalam negara.
4. Hasil jualan runcit berkurang sebanyak 90% pada minggu pertama pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan 2.0.
5. Pengusaha restoran tempatan hanya memperoleh 30% hasil jualan berbanding bulan sebelumnya disebabkan oleh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan 2.0.
6. Permintaan terhadap komputer riba meningkat mendadak susulan penggunaannya bagi sesi persekolahan yang bermula 20 Januari 2021.
7. Lazada Malaysia menawarkan lebih 10,000 barangan runcit dan pelbagai barangan keperluan penting dalam tempoh PKP 2.0.
8. Peniaga di pasar Batu Gajah Malaka masih menerima pengunjung yang tinggi semasa dalam tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0.
9. Pelabur Jerman komited kekal melabur di Malaysia meskipun dengan penguatkuasaan semula Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0 serta pengisytiharan darurat untuk membendung penularan kes pandemik COVID-19.

10. Pelaksanaan PKP telah menaikkan permintaan dalam aktiviti kurier di Malaysia. Hasil EasyParsel menunjukkan kenaikan 40% apabila PKP dilaksanakan di Malaysia dan Singapura.
11. Pemegang kad RHB Shell Visa /i menikmati kemudahan, kelebihan serta ganjaran untuk pembelian dalam talian atau di kedai dengan hanya satu kad kredit tunggal, termasuklah pulangan tunai (cashback).

Maklumbalas Bahagian:

1. Transformasi kaedah jualan secara dalam talian membantu perniagaan bertahan dalam tempoh pelaksanaan PKP khususnya yang terlibat dalam subsektor Perdagangan Borong & Runcit.
2. Syarikat asing yang kekal melabur di Malaysia menandakan kestabilan dan jangka hayat syarikat yang telah dirancang di Malaysia.
3. MPOB melaporkan faktor kenaikan harga disebabkan peningkatan permintaan antarabangsa terhadap minyak sawit mentah yang telah diproses.
4. Pelaksanaan PKP telah menunjukkan peningkatan yang ketara terhadap aktiviti Pos dan Kurier dengan penambahan volum dan hasil diperoleh daripada syarikat.

| **C.** | **Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Berita Harian**<br>22 Januari 2021<br>*(Essential)* | **Sekatan AS: Pelanggan utama Sime Darby Plantations kekal**<br><br>Pelanggan terbesar Sime Darby Plantation Bhd (SDP) tidak mengambil keputusan menyeluruh menyekat pembelian minyak sawit dan produk minyak sawit daripada syarikat itu susulan sekatan Amerika Syarikat berhubung dakwaan penggunaan buruh paksa dalam proses pengeluarannya.<br><br>Sime Darby Oils Sdn Bhd telah memberikan masa yang mencukupi kepada syarikat itu untuk menyelesaikan masalah itu dengan syarat mereka | https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2021/01/778661/sekatan-pelanggan-utama-sime-darby-plantations-kekal |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | sentiasa dimaklumkan mengenai perkembangannya.<br><br>Syarikat gergasi perladangan Malaysia itu dikenakan sekatan import oleh Agensi Perlindungan Kastam dan Sempadan Amerika Syarikat (CBP), berkuat kuasa 30 Dis 2020, selepas perintah sekatan dikeluarkan ke atas minyak sawit dan produk minyak sawitnya berikutan dakwaan buruh paksa yang dibuat oleh kumpulan anti pemerdagangan manusia Liberty Shared (LS) yang berpangkalan di Hong Kong, pada April tahun lalu. | |
| 2. | **Bernama**<br>22 Januari 2021<br>*(Essential)* | **Kesesakan di lapangan kontena Pelabuhan Utara dijangka berkurangan dalam tempoh dua minggu**<br><br>Kesesakan di lapangan kontena Pelabuhan Utara di Pelabuhan Klang sejak awal bulan ini diyakini dapat dikurangkan sehingga 20 peratus dalam tempoh dua minggu akan datang berdasarkan pelan tindakan jangka pendek, sederhana dan panjang yang akan dilaksanakan Northport (Malaysia) Bhd supaya isu sama tidak berulang pada masa depan.<br><br>Kesesakan berlaku berikutan peningkatan panggilan kapal sejak kebelakangan ini menyebabkan aktiviti punggah keluar kontena dari kapal lebih banyak berbanding punggah masuk. | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1924749 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Kesesakan di lapangan kontena dan pintu masuk pelabuhan itu dilihat menjejaskan kadar produktiviti dan prestasi pengendalian operasi kontena Northport. | |
| 3. | **Bernama**<br>24 Januari 2021<br>*(Essential)* | **We are here for the long term, say German companies**<br><br>Foreign companies that have invested in the country said they remain committed to the country as they value and appreciate the long-term partnership with the Malaysian government and look forward to many more years of success.<br><br>On the re-implementation of the movement control order (MCO 2.0) and the emergency proclamation to contain the increasing number of Covid-19 cases, many of the companies said the development had not affected their confidence in investing in the country.<br><br>German investors in Malaysia mostly show a tendency to continue with their pre-existing investment plans as most of these investments are in high technology and have a long planning phase that started two to three years back. | https://www.freemalaysiatoday.com/category/business/local-business/2021/01/24/we-are-here-for-the-long-term-say-german-companies/ |

Penemuan penting & isu:

1. Pelanggan terbesar Sime Darby Plantation Bhd (SDP) tidak mengambil keputusan menyeluruh menyekat pembelian minyak sawit dan produk minyak sawit daripada syarikat itu susulan sekatan Amerika Syarikat berhubung dakwaan penggunaan buruh paksa dalam proses pengeluarannya. Sime Darby Oils Sdn Bhd telah memberikan masa yang mencukupi kepada syarikat itu untuk menyelesaikan masalah itu dengan syarat mereka sentiasa dimaklumkan mengenai perkembangannya.

Syarikat gergasi perladangan Malaysia itu dikenakan sekatan import oleh Agensi Perlindungan Kastam dan Sempadan Amerika Syarikat (CBP), berkuat kuasa 30 Dis 2020.

2. Kesesakan di lapangan kontena Pelabuhan Utara di Pelabuhan Klang sejak awal bulan ini diyakini dapat dikurangkan sehingga 20 peratus dalam tempoh dua minggu akan datang. Kesesakan berlaku berikutan peningkatan panggilan kapal sejak kebelakangan ini menyebabkan aktiviti punggah keluar kontena dari kapal lebih banyak berbanding punggah masuk.

3. Syarikat asing yang telah melabur di negara ini menyatakan bahawa mereka tetap komited terhadap negara ini kerana mereka menilai dan menghargai kerjasama jangka panjang dengan kerajaan Malaysia dan menantikan kejayaan pada masa akan datang. Pelaksaaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan pengumuman darurat bagi membendung peningkatan jumlah kes Covid-19 dilihat tidak akan mempengaruhi keyakinan mereka untuk terus melabur di negara ini.

Maklumbalas Bahagian:

1. Nilai eksport minyak kelapa sawit dan hasil keluaran berasaskan minyak kelapa sawit bagi tempoh Januari hingga November 2020 bernilai RM 64,772 juta dan mencatatkan peningkatan sebanyak RM 2,980 juta atau 4.8%.

2. Nilai eksport di Pelabuhan Klang bagi tempoh Januari hingga November 2020 bernilai RM155,981 juta dan mencatatkan penurunan sebanyak RM 4,802 juta atau 3.0%. Manakala, nilai import juga mengalami penurunan bagi tempoh yang sama dari RM212,174 juta pada tahun 2019 kepada RM 192,335 juta. Nilai import mencatatkan penurunan sebanyak RM19,840 juta atau 9.4%.

3. Nilai eksport dari negara Jerman bagi tempoh Januari hingga November 2020 bernilai RM22,414 juta dan mencatatkan penurunan sebanyak RM 1,715 juta atau 7.1%. Manakala, nilai import dari negara Jerman bagi tempoh yang sama bernilai RM21,208 juta dan mencatatkan penurunan sebanyak RM3,415 juta atau 13.9%.

4. Produk utama yang dieksport ke negara Jerman bagi tempoh Januari hingga November 2020 ialah produk elektrik dan elektronik bernilai RM 13,918 juta.

5. BPPA akan terus memantau dan mengkaji trend import dan eksport bagi produk yang berkaitan ketika penularan wabak Covid-19.

| D. | Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **BERNAMA**<br>21 Jan 2021<br>*(essential)* | **Sektor automotif dijangka catat pertumbuhan lapan peratus**<br>Jumlah jualan keseluruhan industri Malaysia (TIV) diunjur berkembang kepada 570,000 unit pada tahun ini, naik lapan peratus berbanding 529,434 unit kenderaan yang direkodkan semasa tahun lepas, kata Persatuan Automotif Malaysia (MAA).sin | https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1924340 |
| 2. | **HARIAN METRO**<br>21 Jan 2021<br>*(essential)* | **Inix mulakan penerokaan dalam industri sarung tangan**<br>PENEROKAAN Inix Technologies Holdings Bhd (Inix) dalam industri sarung tangan bermula menerusi pemeteraian perjanjian jualan saham (SAA) dengan L&S Gloves Sdn Bhd, menandakan selesainya pengambilalihan kepentingan 51 peratus dalam pengeluar sarung tangan itu.Ia berkata, selesainya pengambilalihanitu membolehkan pengiktirafan pendapatan segera daripada dua barisan pengeluaran sedia ada L&S, yang terletak di Beranang, Selangor. | https://www.hmetro.com.my/bisnes/2021/01/666660/inix-mulakan-penerokaan-dalam-industri-sarung-tangan |
| 3. | **New Straits Times**<br>22 Jan 2021<br>*(non-essential)* | **Myra offers digital solutions to current challenges**<br>The Covid-19 pandemic has unleashed changes that | https://www.nst.com.my/property/2021/01/659778/myra-offers-digital-solutions-current-challenges |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | seemed unthinkable about a year ago and it is likely that it will bring more changes in the months ahead. | |
| 4. | **Theedgemarkets. com**<br><br>22 Jan 2021<br><br>*(essential)* | **ECRL's progress in Section B ahead of target**<br><br>The progress of the East Coast Rail Link (ECRL) project for Section B from Dungun, Terengganu to Mentakab, Pahang has advanced beyond its target after reaching 7.03% in December last year compared to its original target of 5.11%. | https://www.theedgemarkets.com/article/ecrls-progress-section-b-ahead-target |

Penemuan penting & isu:

1. Jangkaan pemulihan ekonomi global termasuk di Malaysia, kesinambungan insentif pengecualian cukai jualan bagi kenderaan penumpang sehingga 30 jun depan di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) dan kadar faedah pinjaman sewa beli yang lebih rendah akan membantu merangsang jualan serta pengenalan model baharu dengan spesifikasi tambahan terkini, gaya reka bentuk dan harga yang sangat kompetitif, juga akan membantu mengekalkan minat belian.

2. Permintaan sarung tangan terus meningkat mengatasi bekalan di tengah-tengah perubahan struktur dalam kesedaran kebersihan. Sebanyak 97 peratus daripada pengeluaran semasa L&S dieksport ke China dan India, termasuk untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat di rantau ini dan Eropah.

3. In the property sector, developers are launching innovative ideas to sell their existing stock and new developments. Because of the on-going pandemic, developers are not able to launch their property projects the way they used to previously or invite home buyers to their sales gallery.

4. The primary focus of the construction works of ECRL taking place along Section B's 223km mainline includes the earthworks as well as the prefabricated vertical drain (PVD), culvert, tunnelling and bridge works.

Maklumbalas Bahagian:

